LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
( MPSP )

OLEH

MOHAMAD TASNIM ABD KHALIM
SARJANA MUDA PENGURUSAN
( POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
( KUSTEM )

2005

n:2587

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100039809

LI 35 FPE 1 2005

1100039809
Laporan akhir Latihan Industri di Majlis Perbandaran Seberang Perai / Mohd Tasnim Abd. Khalim.

Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia ★ Perpustakaan

**PERPUSTAKAAN**
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

| | 1100039809 | |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LI
35
FPE
1
2005

# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
# DI MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
# (MPSP)


**Oleh :**

**MOHAMAD TASNIM ABD KHALIM**
**Sarjana Muda Pengurusan**
**(Polisi dan Sekitaran Sosial)**


Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada


JABATAN EKOLOGI SOSIAL
**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI**
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)


**2005**


1100039809

# PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah s.w.t. yang Maha mencipta sekelian alam dan makhluk, selawat dan salam untuk Rasul junjungan Nabi Muhammad s.a.w dan para Sahabat r.a serta keluarga Baginda dan Mujahidin. Syukur alhamdulillah Laporan Akhir Latihan Industri yang telah diamanahkan kepada saya telah berjaya disiapkan walaupun terdapat pelbagai halangan serta cabaran dalam menyiapkannya.

Kalungan penghargaan serta ribuan terima kasih penulis dedikasikan kepada Penyelaras Program Polisi & Sekitaran Sosial iaitu *Cik Norhayati Bt. Sa'at* serta selaku Penyelia Industri KUSTEM *Pn. Rosyidah Bt. Mohamad* dan juga Penyelia Industri Majlis Perbandaran Seberang Perai iaitu *Cik Asma bt. Othman* kerana tunjuk ajar dan bimbingan semasa penulis menjalani Latihan Industri atau dalam menyiapkan laporan ini.

Ribuan terima kasih juga diucapkan khas kepada kedua *ibu bapa* penulis yang banyak membantu serta memberi sokongan padu dari segi moral dan material. Ucapan penghargaan turut ditujukan kepada *En. Azizul Hadi b. Abd Aziz* dan *En. Feerus b. Ishak* selaku Penolong Juruaudit Dalaman MPSP serta seluruh kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai kerana membantu dalam mendapatkan dan memperolehi segala maklumat yang penulis perlukan dalam menyiapkan laporan ini.

Akhir sekali, ucapan ribuan terima kasih kepada *rakan* seperjuangan serta yang teristimewa Intan Zurida Bt. Ahmad Fauzi yang turut membantu dalam menyiapkan laporan ini dengan secara langsung atau tidak langsung. Mudah-mudahan segala ilmu dan pengalaman semasa menjalani Latihan Industri tersebut akan membantu penulis untuk mengharungi cabaran di masa hadapan. Sesungguhnya, hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa baik kalian.

Jutaan terima kasih buat kalian, sekian wassalam.

.......................................

(Mohamad Tasnim Abdul Khalim)
*November 2005/Syawal 1426.*

# PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **Mohamad Tasnim Abd Khalim (UK8715), No. Kad Pengenalan 820303-07-5549** mengaku bahawa Laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan ini.

Tandatangan

..............................

**Nama: Mohamad Tasnim Abd Khalim**

**Tarikh:** 14/11/2005

**Disahkan Oleh:**

..............................

**Penyelia KUSTEM**

**b/p Pengerusi Latihan Industri**

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**

**KUSTEM**

# BIODATA DIRI



| | | |
|---|---|---|
| Nama | : | Mohamad Tasnim Bin Abd Khalim |
| No. Matrik | : | UK8715 |
| Tempat Pengajian | : | Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) |
| Program | : | Sarjana Muda Pengurusan Polisi & Sekitaran Sosial |
| Tahun Pengajian | : | 3 (semester 5) |
| Kelayakan Masuk | : | Diploma. Pengajian Pentadbiran (KUSZA) |
| Tarikh Lahir | : | 03 Mac 1982 |
| Tempat Lat. Industri | : | Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) |
| Unit Penempatan | : | Bahagian Audit Dalaman MPSP<br>Jalan Datuk Hj. Ahmad Said, 12000<br>Butterworth Pulau Pinang. |
| Tempoh Latihan | : | 21 Mac 2005 Hingga 12 Jun 2005 |
| Alamat | : | 16, Lengkok Siakap Lima, Seberang Jaya.<br>13700 Perai, Pulau Pinang. |

| BAB | SENARAI KANDUNGAN | HALAMAN |
|---|---|---|


| | | |
|---|---|---|
| Penghargaan | | i |
| Pengesahan Keaslian Laporan | | ii |
| Biodata Diri | | iii |
| Senarai Kandungan | | iv |
| Senarai Ringkasan | | vi |
| Senarai Lampiran | | vii |
| Ringkasan Eksekutif | | viii |

**BAB 1 PENGENALAN**

| | | |
|---|---|---|
| 1.1 | PENDAHULUAN | 1 |
| 1.2 | LATAR BELAKANG ORGANISASI | 2 |
| | 1.2.1 Keluasan Kawasan Pentadbiran MPSP | 4 |
| | 1.2.2 Struktur Pembentukan Organisasi | 5 |
| | 1.2.3 Visi MPSP | 9 |
| | 1.2.4 Misi MPSP | 9 |
| | 1.2.5 Dasar Kualiti MPSP | 10 |
| | 1.2.6 Objektif MPSP | 10 |
| | 1.2.7 Nilai Kerja MPSP | 10 |
| | 1.2.8 Nilai Budaya MPSP | 10 |
| | 1.2.9 Pelan Dan Strategik MPSP | 11 |
| | 1.2.10 Fungsi Dan Aktiviti Organisasi | 11 |
| 1.3 | KEMAHIRAN AKTIVITI YANG DIPELAJARI | 12 |
| 1.4 | ANALISIS SWOT TENTANG ORGANISASI MPSP | 21 |
| | 1.4.1 Kekuatan (Strengths) | 22 |
| | 1.4.2 Kelemahan (Weaknesses) | 24 |
| | 1.4.3 Peluang (Opportunities) | 24 |
| | 1.4.4 Ancaman (Threats) | 26 |
| 1.5 | PENUTUP | 28 |

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)



**BAB 2 ANALISIS SISTEM, MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN**

2.1 PENGENALAN 29

2.2 PENGENALPASTIAN SISTEM 29
a) Sistem Rangkaian Komputer Intranet MPSP 30
b) Sistem Pengurusan Perolehan Kewangan MPSP 31
c) Sistem E-Audit 32
d) Sistem Permohonan, Kelulusan Pelan Dan Sijil Kelayakan Menduduki 35
e) Sistem Pengaduan Awam MPSP 39

2.3 MENGENALPASTI MASALAH 40
a) Kekurangan Kakitangan (Juruaudit) 40
b) Ruang Pejabat Yang Tidak Kondusif 41
c) Kurang Kerjasama Daripada Auditee 42
d) Kelemahan Sistem Penyimpanan Fail 42
e) Tiada Kepakaran Audit Sistem (ICT) 43

2.4 CADANGAN PENYELESAIAN MASALAH 44
a) Menambah Juruaudit Yang Berhemah 44
b) Mendapatkan Ruang Pejabat Yang Baru 45
c) Menjalankan Program Penerangan Audit 46
d) Mewujudkan Sistem Penyimpanan Fail Bersistematik 46
e) Mewujudkan Unit Audit Sistem Dan Teknikal (ICT) 47

2.5 PENUTUP 48

**BAB 3 PENUTUP DAN CADANGAN**

3.1 PENUTUP 49

3.2 CADANGAN 51

**BIBLIOGRAFI 54**
**LAMPIRAN I 55**
**LAMPIRAN II 56**

# SENARAI RINGKASAN

| | | |
|---|---|---|
| MPSP | - | Majlis Perbandaran Seberang Perai |
| KUSTEM | - | Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia |
| PBT | - | Pihak Berkuasa Tempatan |
| YDP | - | Yang Di Pertua Majlis |
| SU | - | Setiausaha Majlis |
| JPM | - | Jabatan Perdana Menteri |
| BAD | - | Bahagian Audit Dalaman |
| IIA | - | Institut Internal Auditor |
| IAS | - | International Auditing Standard |
| SPT | - | Seberang Perai Tengah |
| SPU | - | Seberang Perai Utara |
| SPS | - | Seberang Perai Selatan |
| SWOT | - | Strength Weaknesses Opportunities Threat |
| PBN | - | Pihak Berkuasa Negeri |
| NGO | - | Non Government Organization |
| OC | - | Sijil Kelayakan Menduduki |
| GO | - | General Order |
| SSMB | - | Sistem Saraan Malaysia Baru |
| ISO | - | International Organization For Standardization |

# SENARAI LAMPIRAN

**Lampiran 1** : Surat Jawapan MPSP

Borang LI01

Borang LI02

Borang LI03

Sijil Pengesahan Latihan Industri

**Lampiran 2** : Borang Penilaian Penyelia

Borang Kehadiran Kerja

Borang Maklum Balas Latihan Industri MPSP

Profil Maklumat Organisasi MPSP

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Seberang Perai atau dahulunya dikenali sebagai 'Province Wellesley' merupakan sebuah kawasan yang dahulunya sebuah pekan persinggahan untuk ke Pulau Pinang. Pada awal tahun 1800, pentadbiran Seberang Perai berpusat di Pulau Pinang. Dengan keluasan 489.3 kilometer persegi dan bilangan penduduk seramai lebih kurang lima ribu orang. Tahun 1850 seterusnya penerokaan bermula, Seberang Perai bertukar wajah dari kawasan hutan dan belukar kepada sebuah kawasan pertanian.

Tahun berikutnya 1913 Ordinan baru dikeluarkan, Kerajaan Negeri kemudiannya menubuhkan Lembaga Luar Bandar. Majlis Bandaran Butterworth dan Bukit Mertajam serta Majlis Luar Bandar Utara, Tengah dan Selatan telah ditubuhkan. Pada 30 Jun 1974 Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-Peruntukan Sementara) 1973 telah dikuatkuasakan di seluruh negeri Pulau Pinang. Pada 1 Julai 1974, ketiga-tiga Majlis Daerah Utara, Majlis Daerah Tengah dan Majlis Daerah Selatan, Seberang Perai telah disatukan dan dikenali sebagai Lembaga Pengurusan Kerajaan Tempatan Seberang Perai. Akhirnya pada 15 Disember 1976, Akta Kerajaan Tempatan 1976 berkuatkuasa, Lembaga Pengurusan Kerajaan Tempatan Seberang Perai telah dikenali sebagai Majlis Bandaran Seberang Perai dan mendapat taraf menjadi Majlis Perbandaran.

Sepanjang tempoh Latihan Industri, penulis telah ditempatkan di Bahagian Audit Dalaman MPSP yang dikawal terus oleh Yang Dipertua. Sepanjang tempoh tersebut, penulis telah mengenalpasti beberapa permasalahan yang wujud dalam sistem yang dijalankan oleh bahagian ini. Oleh itu, beberapa cadangan dan usul telah dinyatakan sebagai tanda penyelesaian dan diharap pihak pentadbiran dapat menerima dan ia adalah sebagai tanda melengkapkan lagi apa yang telah diaplikasikan oleh penulis selama berkhidmat dalam bahagian ini.

Diharapkan juga, Laporan Industri ini dapat menjadi sumber rujukan dan panduan kepada semua pihak sama ada pihak Bahagian Audit Dalaman dan Pelajar-Pelajar Polisi yang akan menjalani Latihan Industri pada masa akan datang.